

SUKAN MALAYSIA IX, 2002
PERATURAN PERTANDINGAN HOKI
(LELAKI & WANITA)

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang **Persekutuan Hoki Antarabangsa (FIH)**.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
 - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada **PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX, 2002**.
 - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada Undang-Undang Persekutuan Hoki Antarabangsa (FIH).
- 1.4 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Hoki Lelaki dan Wanita SUKAN MALAYSIA IX, 2002 adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

03 Sept hingga 13 Sept, 2002. (Hoki Lelaki/Wanita)

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

Stadium Hoki,
Kompleks Sukan Kota Kinabalu,
Sabah.

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan Negeri, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM). Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.
- 4.2 Setiap Negeri, PDRM dan MASUM hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan wanita terdiri daripada berikut :-

	Lelaki	Wanita
Pengurus Pasukan	1 orang	1 orang
Jurulatih	1 orang	1 orang
Pengadil	1 orang	-
Peserta	<u>16 orang</u>	<u>16 orang</u>
JUMLAH	<u>19 orang</u>	<u>18 orang</u>

5.0 KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun 1981 dan selepasnya sahaja layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan, dan tiga (3) keping gambar berukuran Pasport Antarabangsa bagi setiap peserta bersama Borang Pendaftaran peserta. Bagi peserta PDRM, kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi/Setiausaha Majlis Sukan PDRM. Peserta yang dipilih daripada anggota Angkatan Tentera Di Raja Malaysia hendaklah menggunakan kad pengenalan BAT C 10 sebagai pengenalan rasmi masing-masing. Semua peserta yang menggunakan dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.
- 5.3 Hanya peserta yang didaftarkan dengan yuran pendaftaran RM 20.00 seorang mengikut Peraturan Am Perkara 6.2 sahaja yang layak menyertai pertandingan ini.

- 5.4 Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/semasa taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang. Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada peserta yang telah didaftarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran. Semua Yuran Pendaftaran peserta tidak akan dikembalikan.
- 5.5 Tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 20.7, peserta yang berkhidmat dengan PDRM dan pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Pusat Pengajian Tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontingen/negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan berkenaan.
- 5.6 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang mendapat tajaan dermasiswa/biasiswa daripada Kerajaan negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.
- 5.7 Seseorang pemain kebangsaan hanya dibenarkan menyertai seperti mengikut Peraturan Am Perkara 4.6.
- 5.8 Taraf permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am 20.11.

6.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan Kad Pengenalan, BAT C 10 atau Pasport Antarabangsa atau dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau 1/11 yang asal untuk disahkan. Tambahan kepada bilangsna peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

7.0 JADUAL PERTANDINGAN

- 7.1 Jadual pertandingan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan dan hendaklah disahkan oleh Persekutuan Hoki Malaysia (PHM) dan Persatuan Hoki Malaysia (PHMW).

8.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1 Dimana penyertaannya mengandungi 9 (sembilan) hingga 12 (dua belas) pasukan, maka pertandingan di Peringkat Awal akan dijalankan secara LIGA satu pusingan yang dibahagi dalam 3 KUMPULAN iaitu Kumpulan ‘A’. Kumpulan ‘B’ dan Kumpulan ‘C’.
- 8.1.1 Keempat-empat pasukan yang berjaya ke peringkat Separuh Akhir di SUKAN MALAYSIA, VIII 2000 akan menjadi pasukan pilihan atau ‘seeded’. Pasukan Johan dan pasukan Tempat Keempat akan mengetuai Kumpulan ‘A’ dan pasukan Naib Johan akan mengetuai Kumpulan ‘B’ dan pasukan Tempat Ketiga akan mengetuai Kumpulan ‘C’. Pasukan-pasukan yang lain akan diundi untuk menentukan kumpulan masing-masing.
- 8.1.2 Pemenang pertama dan pemenang kedua di Kumpulan ‘A’, ‘B’ dan ‘C’ adalah layak untuk memasuki ke Peringkat Kedua yang akan diadakan secara LIGA dua KUMPULAN iaitu Kumpulan ‘D’ dan Kumpulan ‘E’. Pemenang pertama di Kumpulan ‘A’ dan ‘C’ serta pemenang kedua di Kumpulan ‘B’ akan dimasukkan dalam Kumpulan ‘D’, sementara pemenang kedua di Kumpulan ‘A’ dan ‘C’ serta Pemenang Pertama di Kumpulan ‘B’ dimasukkan dalam Kumpulan ‘E’.
- 8.1.3 Pemenang pertama dalam Kumpulan ‘D’ dan ‘E’ akan memasuki perlawanan akhir dan pemenang keduanya akan berlawan untuk menentukan tempat ketiga dan keempat.

- 8.1.4 Borang pendaftaran pemain hendaklah diserahkan kepada Pegawai Teknikal yang bertugas tiga puluh (30) minit sebelum sesuatu perlawanan dimulakan.
 - 8.1.5 Sekiranya jaringan gol juga sama, pasukan yang telah mengalahkan lawannya di peringkat awal dalam kumpulan akan dikira pemenang.
 - 8.1.6 Jika kedudukannya masih sama, keputusan akan ditentukan dengan pukulan penalti seperti Peraturan (6).
- 8.2 Di mana penyertaan terdiri daripada (13) tiga belas pasukan atau lebih, maka pertandingan awal akan dijalankan secara liga satu pusingan didalam (4) empat kumpulan iaitu kumpulan ‘A’, kumpulan ‘B’, kumpulan ‘C’ dan kumpulan ‘D’. Pasukan-pasukan yang lain akan diundi bagi menentukan kumpulan masing-masing.
 - 8.2.1 Keempat-empat pasukan yang berjaya ke peringkat Separuh Akhir di SUKAN MALAYSIA VIII, 2000 akan menjadi pasukan pilihan atau ‘seeded’. Pasukan Johan akan dimasukkan ke dalam Kumpulan ‘A’, Pasukan Naib Johan akan dimasukkan ke dalam Kumpulan ‘B’, Pasukan tempat Ketiga akan dimasukkan ke dalam Kumpulan ‘C’ dan Pasukan tempat Keempat akan dimasukkan ke dalam Kumpulan ‘D’. Pasukan-pasukan yang lain akan diundi untuk menentukan kumpulan masing-masing.
 - 8.2.2 Johan dan Naib Johan tiap-tiap kumpulan layak memasuki peringkat suku akhir yang akan dijalankan secara kalah-mati seperti berikut :-

A1 LWN B2
B1 LWN C2
C1 LWN D2
D1 LWN A2

- 8.2.3 Pemenang-pemenang dalam perlawanan suku akhir akan memasuki peringkat akhir seperti berikut :-

A1/B2 LWN C1/D2
B1/C2 LWN D1/A2

- 8.2.4 Pemenang-pemenang Separuh Akhir akan bertemu di peringkat Akhir untuk menentukan Johan dan Naib Johan, manakala pasukan-pasukan yang kalah akan berlawan untuk menentukan tempat Ketiga dan Keempat.
- 8.3 Borang pendaftaran pemain hendaklah diserahkan kepada Pegawai Teknikal yang bertugas tiga puluh (30) minit sebelum sesuatu perlawanan dimulakan.
- 8.4 Bagi perlawanan dalam kumpulan yang dijalankan secara liga, mata kemenangan akan diberi seperti berikut :-

MENANG	SERI	KALAH
3 MATA	1 MATA	0 MATA

- 8.5 Sekiranya di akhir perlawanan dalam sesuatu kumpulan, kiraan mata diperolehi sama ada lebih dari satu pasukan, maka keputusan akan ditentukan mengikut undang-undang hoki antarabangsa serta yang diamalkan oleh Persekutuan Hoki Malaysia.

9.0 SISTEM PUKULAN PENALTI

- 9.1 Pengadil-pengadil akan menentukan pintu gol dimana pukulan penalti dijalankan.
- 9.2 Pengadil akan membuat undian. Pasukan yang menang akan membuat pilihan samada pukulan penalti atau bertahan dahulu.
- 9.3 Lima (5) pemain dari kedua-dua pasukan akan mengambil pukulan penalti berselang-seli terhadap Penjaga Gol pasukan lawan.
- 9.4 Jika jaringan pukulan penalti itu masih sama, permainan akan dilanjutkan dengan cara tamat serta-merta.
- 9.5 Pemain-pemain yang telah didaftarkan boleh mengambil bahagian dalam pertandingan pukulan penalti kecuali pemain-pemain yang telah dikeluarkan oleh Pengadil (Players on permanent or temporary suspension)
- 9.6 Pengurus Pasukan tiap pasukan akan menentukan susunan penalti pemain yang akan mengambil pukulan penalti.

- 9.7 Penjaga Gol tidak boleh ditukar kecuali jika ianya cedera.
- 9.8 Penjaga Gol simpanan boleh digantikan Penjaga Gol yang cedera itu semasa pukulan penalti dijalankan.

10.0 PENANGGUHAN PERLAWANAN

- 10.1 Sekiranya Pengadil-pengadil menangguhkan perlawanan disebabkan keadaan cuaca atau sebagainya, perlawanan tersebut sewajarnya diteruskan secepat mungkin dan tidak semestinya ditempat yang sama dan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:-
 - 10.1.1 Perlawanan itu disambung sehingga tamat masa penuh
 - 10.1.2 Kedudukan lain seperti penggantian pemain dan pemain yang menerima kad diteruskan seolah-olah perlawanan tersebut tidak ditangguhkan.

11.0 PEMAIN GANTIAN

- 11.1 Setiap pasukan dibenarkan membuat gantian pemain pada bila-bila masa di sepanjang sesuatu perlawanan. Pemain gantian itu hendaklah terdiri daripada pemain-pemain yang disenaraikan dalam borang pendaftaran. Apabila seseorang pemain itu diganti, ia harus bersama-sama dengan pemain gantian yang lain dibangku pemain gantian. Seseorang pemain yang diganti dibenarkan bermain semula untuk menggantikan seseorang pemain lain dalam permainan yang berkenaan (Rolling Substitution). Seseorang pemain yang diganti boleh diturunkan itu diturunkan semasa pertandingan pukulan penalti.
- 11.2 Penggantian seseorang pemain boleh dilakukan dengan kebenaran Pegawai Teknikal yang bertugas untuk perlawanan tersebut. Pemain gantian itu tidak dibenarkan ke arena perlawanan sehingga pemain yang digantikan itu keluar dari arena permainan.
- 11.3 Hanya seorang Penjaga Gol sahaja dibenarkan berada di arena permainan pada sesuatu masa.

- 11.4 Seorang pemain yang telah digantung tidak boleh diganti dan dia juga tidak boleh diturunkan sebagai pemain gantian sepanjang tempoh penggantungannya.
- 11.5 Permainan/masa tidak akan diberhentikan untuk gantian pemain kecuali untuk menggantikan seseorang pemain yang mengalami kecederaan yang serius dan Penjaga Gol. Ini bergantung kepada budi bicara Pengadil yang berkenaan.
- 11.6 Pemain-pemain gantian harus masuk atau keluar arena permainan di kawasan garisan tengah berhadapan dengan meja wakil teknikal kecuali penggantian Penjaga Gol boleh dilakukan di kawasan Penjaga Gol. Jika gantian pemain dilakukan bagi pemain yang mengalami kecederaan yang serius, kawalan keluar masuk pemain adalah bergantung di atas budi bicara Pengadil.
- 11.7 Pemain yang cedera tidak dibenarkan diberi rawatan dalam padang.
- 11.8 Pakaian yang mempunyai kesan darah tidak dibenarkan dipakai semasa bermain. Pengurus Pasukan hendaklah membawa pakaian gantian tambahan yang tidak bernombor.

12.0 PAKAIAN PEMAIN

- 12.1 Penjaga Gol diwajibkan memakai ‘face-mask’
- 12.2 Semua pemain lain diwajib memakai ‘shinguard’ sepanjang perlawanan.
- 12.3 Semua pemain diwajibkan memasukkan jersi ke dalam skirt (wanita)/seluar (lelaki) sepanjang perlawanan. Jika pemain memakai tambahan ia hendaklah dari warna yang sama.
- 12.4 Setiap pasukan dikehendaki membawa dua (2) set jersi yang berlainan warna dan setiap jersi hendaklah bernombor dari nombor 1 hingga 16. Jersi Penjaga Gol hendaklah bernombor di belakang dan di hadapan.

- 12.5 Sekiranya terdapat kedua-dua pasukan memakai jersi yang sama, maka satu daripada pasukan hendaklah menukar jersinya dengan cara pengundian. Pengurus-pengurus Pasukan diminta menentukan jersi lawannya terlebih awal bagi mengelakkan jersi yang sama warna.

13.0 MENARIK DIRI

- 13.1 Setiap pasukan hendaklah melaporkan diri di padang perlawanan tiga puluh (30) minit sebelum perlawanan dimulakan.
- 13.2 Jika pasukan yang berkenaan tidak melaporkan diri lima belas (15) minit yang dijadualkan itu tanpa memberi sebab yang munasabah, maka pasukan itu dianggap menarik diri dan memberi kemenangan tanpa bertanding kepada pihak lawannya.
- 13.3 Pasukan yang melakukan menurut para 13.1 dan 13.2 di atas akan diambil tindakan tatatertib oleh Jawatankuasa Kecil Teknikal dan Pertandingan dan semua keputusan terdahulu tidak diambil kira.

14.0 PEGAWAI PERTANDINGAN

- 14.1 Setiap pasukan dikehendaki membawa seorang Pengadil yang bertauliah (kelas 1, PHM) bersama-sama pasukannya setelah dipersetujui oleh Persekutuan Hoki Malaysia atau Persatuan Hoki Wanita Malaysia.
- 14.2 PHM atau PHWM akan melantik Pengadil tambahan jika didapati perlu.
- 14.3 Pengarah Pertandingan, Pegawai Teknikal, Hakim dan Pengurus Pengadil akan dilantik oleh Persekutuan Hoki Malaysia dan Persatuan Hoki Malaysia yang akan berhubung terus dengan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKAN MALAYSIA IX, 2002.

15.0 BANTAHAN/TATATERTIB

- 15.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM200.00 tunai.
- 15.2 Wang pertaruhan akan luput bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 15.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah Pertandingan yang bertugas pada masa itu dalam masa sepuluh (10) minit selepas pertandingan itu tamat.
- 15.4 Pada akhir sesuatu perlawanan, sekiranya mana-mana pasukan ingin membuat bantahan, maka bantahan hendaklah dikemukakan secara lisan kepada Pengarah Pertandingan atau wakilnya. Pengurus Pasukan mestilah menulis perkataan yang berbunyi ‘Ingin Bantah’ semasa menandatangani Laporan Perlawanan.

16.0 JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB

- 16.1 Perlantikan Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib dan prosedur aturcara mesyuarat adalah seperti yang digunakan oleh Persekutuan Hoki Malaysia/Persatuan Hoki Wanita Malaysia seperti berikut :-
 - 16.1.1 Pengarah Pertandingan
 - 16.1.2 Pegawai Teknikal
 - 16.1.3 Pengurus Pengadil
 - 16.1.4 Setiausaha jika perlu
- 16.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.
- 16.3 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan daripada Pengadil atau Pegawai Pertandingan dan membuat sesuatu keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.

- 16.4 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib hendaklah mengemukakan laporan kepada Persekutuan Hoki Malaysia/Persatuan Hoki Wanita Malaysia atas apa-apa tindakan yang diambil ke atas Pegawai, Pengurus Pasukan dan Pemain.

17.0 TATATERTIB

- 17.1 Pemain-pemain yang mendapat tiga (3) kad hijau sepanjang pertandingan akan digantung satu perlawanan berikutnya.
- 17.2 Pemain-pemain yang mendapat dua (2) kad hijau dan satu (1) kad kuning sepanjang pertandingan akan digantung satu (1) perlawanan berikutnya.
- 17.3 Pemain-pemain yang mendapat dua (2) kad kuning sepanjang pertandingan akan digantung satu perlawanan.
- 17.4 Pemain-pemain yang mendapat satu (1) kad merah sepanjang pertandingan akan digantung satu (1) perlawanan atau lebih. Pemain berkenaan tidak dibenarkan bermain sehingga Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib membuat keputusan. Pemain itu juga tidak dibenarkan duduk dengan pasukan pada masa perlawanan.

18.0 HADIAH

- 18.1 Pingat-pingat akan diberikan kepada seperti berikut :-

	EMAS	PERAK	GANGSA
Pasukan Lelaki	1	1	1
Pasukan Wanita	1	1	1
JUMLAH	2	2	2

- 18.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada Peraturan Tetap 14.3.

Disediakan Oleh :
Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan
SUKAN MALAYSIA IX, 2002
peraturan am sukma2002/HOKI/AZHAR